

KENYATAAN MEDIA

KPWKM PERKUKUH AGENDA PEMERKASAAN KEBAPAAN DEMI MEMBINA KELUARGA MADANI

CYBERJAYA, 28 Jun 2026 – Hari ini saya berbesar hati diberi tanggungjawab mewakili YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri, merasmikan Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2026 yang bertemakan "**Sehebat KASIH Bapa**".

Tema ini mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan seorang bapa yang bukan sahaja menjadi penyedia keperluan keluarga, malah pembimbing nilai, pelindung, pendidik dan teladan utama dalam membentuk sahsiah anak-anak. Dalam dunia yang semakin mencabar, dengan tekanan kos sara hidup, pengaruh media sosial serta perubahan sosial yang pantas, kehadiran seorang bapa yang terlibat secara aktif dalam kehidupan anak-anak menjadi semakin penting. Kebapaan bukan sekadar satu gelaran, tetapi merupakan satu amanah besar yang menuntut komitmen, kesabaran dan keikhlasan.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2023 menunjukkan bahawa lelaki merupakan kumpulan paling dominan dalam beberapa indikator berkaitan jenayah dan koreksional. Sebanyak 95.7% daripada penagih dadah yang ditangkap ialah lelaki, manakala lebih 96% daripada individu yang diparol juga terdiri daripada lelaki. Statistik ini tidak seharusnya dilihat sebagai angka semata-mata, sebaliknya menjadi peringatan bahawa pengukuhan peranan lelaki, khususnya bapa, dalam institusi keluarga perlu terus diperkasakan. Kehadiran bapa yang berfungsi secara aktif mampu menjadi benteng awal dalam mencegah penglibatan anak-anak dalam gejala sosial, penyalahgunaan dadah dan keciciran nilai.

Kerajaan MADANI sentiasa meletakkan institusi keluarga sebagai asas kekuatan negara. Selaras dengan aspirasi Dasar KASIH Keluarga Negara dan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan terus memperkukuh agenda pemeraksanaan keluarga dengan mengangkat keluarga sebagai institusi terpenting dalam pembinaan masyarakat dan negara.

Sehubungan itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membangunkan **Modul Kebapaan** pada tahun 2025 yang memberi penekanan kepada kemahiran kebapaan moden merangkumi aspek kepimpinan, kesejahteraan psikologi, komunikasi berkesan serta pemanfaatan jaringan sokongan sosial. Modul ini bertujuan membantu golongan bapa melaksanakan peranan mereka dengan lebih berkesan dalam mendepani cabaran kehidupan masa kini.

Selain itu, KPWKM turut memperkukuh agenda pemerkasaan lelaki melalui **MEN Empowerment Network (MEN)** atau **Jaringan Pemerkasaan Lelaki**, sebuah jaringan strategik yang menghimpunkan kepakaran 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperluaskan pelaksanaan program kebapaan secara lebih holistik. Menerusi inisiatif ini, pelbagai latihan berkaitan pengurusan konflik, kemahiran keibubapaan dan kesihatan mental akan dilaksanakan bagi membantu golongan lelaki mengurus tekanan kehidupan, di samping menghapuskan stigma bahawa mendapatkan bantuan ketika berdepan cabaran emosi merupakan suatu kelemahan.

Pada majlis yang sama, **Anugerah Khas Inspirasi Bapa** turut disampaikan sebagai penghargaan kepada individu yang mempamerkan ketabahan, pengorbanan dan komitmen luar biasa dalam membesarkan serta mendidik anak-anak. Pengiktirafan ini diharap menjadi inspirasi kepada lebih ramai bapa untuk terus memainkan peranan sebagai pelindung, pendidik dan sumber kekuatan kepada keluarga.

Sempena **Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2026**, saya menyeru seluruh masyarakat agar bersama-sama KPWKM memperkukuh institusi keluarga dengan mengiktiraf dan menyokong peranan bapa sebagai tonggak kesejahteraan keluarga. Sesungguhnya, keluarga yang kukuh akan melahirkan masyarakat yang harmoni, penyayang, berdaya tahan dan menjadi asas kepada kemakmuran negara.

Terima Kasih.

YB LIM HUI YING
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT
28 JUN 2026